

Mengenalpasti Keuasan Guru Pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam Pelaksanaan KKBI

Lee Vui Lin

Jabatan Ilmu Pendidikan

Tay Pui Hoon

Lee Sung Ping

Jabatan Bahasa

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah bagi mengenalpasti keuasan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam pelaksanaan (Kerja Kursus Berasaskan Ilmu) KKBI. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti sebab-sebab para guru pelatih berpendapat bahawa KKBI membebankan mereka. Sampel kajian terdiri daripada 40 guru pelatih yang dipilih secara rawak daripada 10 kumpulan pengkhususan KPLI Ambilan Januari 2007. Dapatan dikutip melalui satu set soal selidik yang dilaksanakan pada bulan Mei 2007. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih berasa puas hati dengan pelaksanaan KKBI dari segi tempoh masa, bimbingan pensyarah, kemudahan pinjaman dan rujukan serta kerjasama di antara ahli kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan adalah 3.2 iaitu guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 telah menunjukkan keuasan dalam pelaksanaan KKBI dalam Kursus Perguruan yang mereka ikuti.

PENGENALAN

Kerja kursus merupakan tugas yang perlu dibuat oleh seseorang pelajar dalam mengikuti sesuatu kursus latihan akademik. Menurut kamus Oxford Dictionary of Current English, kerja kursus adalah kerja dalam bentuk akademik yang perlu dibuat oleh pelajar universiti dan sekolah yang akan menyumbang sebahagian daripada jumlah markah akhir kursus sebelum peperiksaan. Kerja Kursus merupakan salah satu cara untuk mendapat maklum balas daripada peserta kursus tentang keberkesanan dari segi pemerolehan dan penguasaan ilmu dan kemahiran yang dipelajari bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam membuat pemindahan pembelajaran dan aplikasi kemahiran dalam konteks sebenar.

Latar Belakang Kajian

Menurut Peraturan Maktab Pendidikan Guru (1999), kerja kursus merupakan sebahagian daripada penilaian latihan perguruan dilaksanakan selain daripada kaedah peperiksaan. Terdapat dua bentuk yang berbeza bagi KKBI yang dilaksanakan, iaitu Projek untuk mata pelajaran pengkhususan atau mata pelajaran major dan Kerja Kursus Pendek untuk mata pelajaran bukan pengkhususan, iaitu mata pelajaran Elektif dan juga Dinamika Guru. Dinamika Guru merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua guru pelatih pada setiap semester sepanjang kursus perguruan. Kedua-dua bentuk kerja kursus dilaksanakan secara penilaian berterusan sepanjang kursus.

Mengikut National Reading Panel (NRP) (2000), program pendidikan guru adalah satu program yang membolehkan para guru pelatih mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui kerja kursus berasaskan teori, kerja kursus berasaskan kaedah dan kerja kursus berasaskan pengetahuan isi kandungan. Pengintegrasian pembelajaran dan pengalaman secara konstruktif menghasilkan pembelajaran bermakna.

Pernyataan masalah

KKBI merupakan komponen yang penting dalam latihan perguruan. Ia bertujuan untuk menguji dan menilai ilmu dan juga kemahiran yang telah dipelajari oleh para guru pelatih.

Seperti yang diketahui, KKBI dijalankan dengan merujuk kepada satu garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru bagi membolehkan keberkesanan dalam pelaksanaan. Di samping itu, ia juga memastikan isi kandungan tugas adalah berpandukan kurikulum dan sukatan yang diberikan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru.

Kerja Kursus pada asasnya merupakan satu kaedah bagi pensyarah mata pelajaran untuk menilai penguasaan ilmu dan kefahaman guru pelatih secara terperinci dalam kursus latihan perguruan. Perincian pelaksanaan KKBI telah digubalkan mengikut kesesuaian jenis kursus latihan yang berbeza dari segi tempoh pelaksanaannya. Tempoh pelaksanaannya kerja kursus bagi KPLI adalah 8 hingga 12 minggu untuk projek. Untuk Kerja kursus pendek pula adalah tidak melebihi 2 minggu tempoh pelaksanaannya. Dalam masa yang dikatakan agak singkat ini mereka telah dibebani dan wajib melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh institut atau diwajibkan dalam sukatan mereka seperti Bina Insan Guru (BIG), Pendidikan Luar (PL) dan Pendidikan Alam Sekitar (PAS).

Selama ini, pensyarah-pensyarah sering mendengar rungutan daripada para guru pelatih KPLI mengatakan mereka dibebankan oleh tugas-tugas yang begitu banyak sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk rehat dan menyebabkan mereka sering jatuh sakit dan merasa tertekan dengan kehidupan di institut perguruan. Maka adalah wajar untuk menjalankan kajian ini bagi mengetahui persepsi mereka mengenai pelaksanaan kerja kursus dengan lebih dekat.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sebab-sebab yang menyebabkan para guru pelatih berpendapat bahawa KKBI membebankan mereka.

Objektif Kajian

Mengenal pasti tahap kepuasan guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 terhadap pelaksanaan tugas KKBI dari segi aspek-aspek berikut:

- tempoh masa.
- bimbingan pensyarah
- kemudahan bahan rujukan yang disediakan di pusat sumber.
- kerjasama ahli kumpulan.
- masalah-masalah yang dihadapi semasa melaksanakan projek KKBI.

Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Adakah guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 berpuas hati dengan pelaksanaan KKBI projek dalam kumpulan dari segi:
 - tempoh masa
 - bimbingan pensyarah
 - kemudahan bahan rujukan yang disediakan di pusat sumber.
 - Kerjasama ahli kumpulan.
- (2) Adakah guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 menghadapi masalah semasa pelaksanaan projek KKBI?

Batasan Kajian

- Hanya difokuskan kepada Kumpulan KPLI Ambilan Januari 2007 di Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching sahaja.
- Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada kumpulan guru pelatih KPLI yang terdapat di institut perguruan lain di Malaysia .

Signifikan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi guru pelatih KPLI dalam kepuasan pelaksanaan KKBI khasnya di institut perguruan. KKBI merupakan komponen wajib dalam kursus latihan perguruan. Tempoh pelaksanaan yang diberikan kepada semua program ini adalah berbeza mengikut kehendak dan kesesuaian struktur mata pelajaran. Secara tidak langsung, ia akan memberi gambaran kepada masyarakat tentang kualiti guru. Dalam masa yang sama, kajian ini juga bertujuan untuk mendapat maklum balas daripada persepsi guru pelatih mengenai bimbingan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing dalam melaksanakan proses KKBI berkenaan. Selain itu, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada penggubal kurikulum, BPG untuk membuat penambahbaikan ke atas kelemahan yang dikenalpasti. Seterusnya, ia akan memastikan kejayaan latihan kursus perguruan untuk melahirkan para pendidik yang bertaraf dunia dalam mencapai misi dan visi seperti yang di terkandung dalam teras pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tinjauan Literatur

Komponen aktiviti-aktiviti dalam Kerja Kursus untuk mata pelajaran Major ini adalah dalam bentuk penghasilan produk untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam sekolah, pembinaan modul dan laporan bertulis tentang sesuatu aktiviti yang telah diikuti atau disertakan dalam tempoh masa yang di tentukan dalam kurikulum latihan perguruan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Penggubalan Kerja Kursus Projek adalah dibuat berpandukan objektif kurikulum mata pelajaran berkenaan. Tujuannya adalah memastikan kebolehan pelajar diuji dan mengaplikasi kemahiran-kemahiran yang dipelajari dalam kuliah diikuti.

Merujuk kepada Tyler (1949), tujuan sebenar pendidikan adalah untuk membawa perubahan tingkah laku pelajar. Mengikut National Reading Panel (NRP) (2000), program pendidikan guru adalah satu program yang membolehkan para guru pelatih mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui Kerja Kursus berasaskan teori, Kerja Kursus berasaskan kaedah dan Kerja Kursus berasaskan pengetahuan isi kandungan. Selain itu, ia mengambil kira kepentingan proses penghasilan dan kualiti produk Kerja Kursus. Dalam masa yang sama, ia menolong dalam pembinaan sahsiah dan etika pelajar serta kualiti produk Kerja Kursus secara komprehensif dan bersepadu. Proses ilmu ini dapat dilaksanakan melalui pemeringkatan tugas Kerja Kursus dan bimbingan berterusan oleh pensyarah serta penegasan melalui aplikasi ilmu dan kemahiran dalam konteks dan situasi sebenar.

Pengintegrasian pembelajaran dan pengalaman secara konstruktif menghasilkan pembelajaran bermakna. Ia dapat dicapai melalui pemeringkatan proses iaitu:

1. Ilmu terimaan, ilmu yang diterima benar berdasarkan autoriti dimana kepercayaan kepada satu jawapan sahaja yang betul, semua ilmu adalah benar dan pensyarah sebagai penyampai ilmu.
2. Ilmu subjektif, ilmu yang diterima benar berdasarkan hujah dan bukti. Di sini pelajar sedar tiada satu jawapan yang tepat untuk sesuatu perkara, ilmu diterima benar berdasarkan hujah dan bukti dan pensyarah sebagai fasilitator dan pembelajaran berpusatkan pelajar.
3. Ilmu kontekstual, ilmu diterima benar mengikut konteks dan situasi. Di sini, pelajar melihat kebenaran ilmu dan kemahiran berdasarkan konteks atau situasi. Pensyarah sebagai fasilitator dan pelajar berhak memberi pandangan berdasarkan bukti yang kukuh.
4. Ilmu binaan, ilmu yang terbina hasil daripada analisis dan refleksi sendiri berdasarkan himpunan ilmu, pengalaman dan nilai. Pelajar mempunyai pendirian tentang sesuatu isu berdasarkan analisis sendiri yang dipengaruhi oleh nilai, pengalaman dan ilmu binaan sendiri (BPG, 2006).

Merujuk kepada Teo, Patmah, Sardi dan Azhar (2005) bahawa pelaksanaan KKBI perlu disarankan antara matapelajaran major dan minor. Ini untuk memastikan rugutan terhadap beban tugas KKBI adalah berkurangan seperti yang diutarakan semasa kerja kursus berportfolio dilaksanakan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif manakala kaedah yang dipilih ialah kaedah tinjauan. Rangka kajian menggunakan pembolehubah tidak bersandar seperti demografik iaitu jantina dan pengkhususan dengan pemboleh ubah bersandar seperti kepuasan guru pelatih terhadap pelaksanaan KKBI dari tiga aspek yang terkandung dalam struktur KKBI. Semua responden kajian adalah guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007. Mereka merupakan graduat daripada pelbagai pengkhususan dari institut pengajian tinggi awam.

Dapatan daripada kajian ini akan memberi satu gambaran tentang persepsi guru pelatih KPLI dalam melaksanakan KKBI semasa mereka mengikuti kursus latihan diploma di institut perguruan.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 di Institut Perguruan Batu Lintang yang dipilih secara rawak dari 10 pengkhususan. Purata usia mereka adalah 26 tahun pada keseluruhan. Di samping itu, terdapa 10% daripada jumlah responden yang sudah berkahwin dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berusia di bawah 2 tahun. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden kajian mengikut pengkhususan.

Jadual 1: Responden kajian mengikut pengkhususan

| Pengkhususan | Frekuensi |
|---|-----------|
| Pengajian Cina Sekolah Kebangsaan (PCSK) | 4 |
| Pra sekolah | 2 |
| Teaching of English as a Second Language (TESL) | 6 |
| Matematik | 4 |
| Pendidikan Jasmani | 4 |
| Pendidikan Khas | 4 |
| Pengajian Cina 2 | 4 |
| Pengajian Cina 1 | 4 |
| Pengajian Melayu | 4 |
| Kemahiran Hidup | 4 |
| Jumlah | 40 |

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang merangkumi 3 bahagian, iaitu Bahagian A untuk mengumpul data demografik responden, Bahagian B (i) merupakan bahagian soal selidik mengenai kepuasan para guru pelatih dalam melaksanakan tugas individu yang diberikan oleh pensyarah major. Terdapat 14 pernyataan yang menggambarkan kepuasan terhadap tugas individu yang diberikan oleh pensyarah. Bahagian B (ii) adalah 15 soalan tinjauan mengenai kepuasan mereka terhadap tugas kumpulan yang diberikan oleh pensyarah major atau pengkhususan. Kesemua soalan soal selidik menggunakan skala Likert empat poin yang menunjukkan tahap kepuasan terhadap pelaksanaan KKBI. Bahagian I dan II dalam soal selidik menggunakan skala Likert yang terdiri daripada 1 untuk tidak setuju, 2 untuk kurang setuju, 3 untuk setuju dan 4 untuk sangat setuju. (Sila rujuk Lampiran A untuk soal selidik)

Prosedur Kajian

Kebenaran menjalankan kajian didapati daripada Pengarah Institut Perguruan Batu Lintang. Ini disusuli dengan kebenaran dan kerjasama daripada guru pelatih dari pelbagai pengkhususan Ambilan Januari 2007. Soal selidik ditadbir pada bulan Mei 2007 dan dikutip tiga hari selepas ia diedarkan.

Analisis Data

Kesemua soal selidik dapat dikutip pada kutipan pusingan kedua. Untuk analisis data yang dikumpul, Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 11 telah digunakan. Semua profil responden akan digunakan untuk kajian diskriptif. Untuk mendapat perbezaan persepsi di antara kumpulan pengkhususan yang dikaji maka penganalisan di antara pembolehubah dijalankan. Tujuannya adalah mendapat nilai nisbah dan purata yang terdapat pelbagai pengkhususan dalam program KPLI. Semua dapatan kajian dianalisis dari segi min untuk soal-selidik yang telah dikemukakan.

DAPATAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kepuasan guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 dalam pelaksanaan KKBI semasa mereka mengikuti kursus latihan mereka.

Dapatan kajian rintis menunjukkan Alpha Cronbach untuk instrumen telah mencapai 0.88. Ini bermakna kesemua soalan kajian menepati kehendak kajian. Para guru pelatih dalam kajian ini bersetuju dengan pernyataan dalam soal selidik dan telah memberi respon yang positif.

PERBINCANGAN

Tempoh Masa

Dapatan kajian mengenai tempoh masa yang telah diberikan oleh pensyarah untuk menyiapkan tugas adalah min 3.14 bagi guru pelatih perempuan berbanding dengan min 3.00 untuk guru pelatih lelaki. Dalam hal ini, jelas menunjukkan guru pelatih perempuan lebih bersetuju dengan tempoh masa yang telah diberikan oleh pensyarah. Ini mungkin disebabkan oleh guru pelatih lelaki sering melibatkan diri atau dilibatkan dengan aktiviti kelolaan institut berbanding dengan guru pelatih. Jumlah min keseluruhan bagi item ini ialah 3.13 tetapi ia masih di bawah piawaian institut iaitu 3.5.

Bimbingan Pensyarah

Dapatan kajian (Jadual 2) menunjukkan bahawa min individu terhadap kepuasan ditunjukkan oleh pelaksanaan KKBI adalah 3.4. Ini bermakna bahawa individu secara keseluruhan berpuas hati dengan pengetahuan dan kemahiran yang ditunjukkan oleh pensyarah semasa memberikan taklimat KKBI.

Di samping itu, pekerti pensyarah apabila dijumpa oleh guru pelatih semasa mereka menghadapi masalah. Ini adalah satu petunjuk baik bahawa pensyarah bersedia untuk membantu guru pelatih walau apa jua kesulitan yang dihadapi oleh guru pelatih.

Jadual 2

Min keseluruhan, Individu, Kumpulan (kepuasan) terhadap Bimbingan Pensyarah

| Perkara | Keseluruhan | Individu | Kumpulan |
|---------|-------------|----------|----------|
| Min | 3.47 | 3.42 | 3.49 |

Kemudahan Bahan Rujukan yang disediakan di Pusat Sumber

Kemudahan untuk mendapat pinjaman dari perpustakaan luar telah menunjukkan kepuasan yang rendah iaitu 2.8. Ini disebabkan kebanyakan guru pelatih tidak mempunyai kemudahan pengangkutan untuk pergi ke perpustakaan luar seperti perpustakaan negeri, bahagian atau majlis perbandaran yang terletak agak jauh dari institut. Satu lagi kemungkinan adalah masa tidak mengizinkan bagi mereka untuk berbuat demikian. Sebagaimana yang kita ketahui masa pelaksanaan adalah 6 hingga 8 minggu sahaja dan guru pelatih akan sentiasa dilibatkan dengan aktiviti-aktiviti institut dari masa ke semasa. Sering kali, guru pelatih di kehendaki menjalankan aktiviti di luar institut seperti Bina Insan Guru yang memakan masa 4 hari 3 malam, Pendidikan Luar dan juga Pendidikan Alam Sekitar. Dalam tempoh aktiviti tersebut mereka telah dipenuhi dengan aktiviti yang begitu padat dan sibuk dan menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk melaksanakan kerja kursus yang telah diberikan oleh pensyarah.

Kerjasama Ahli Kumpulan

Bagi persoalan kajian ini (Jadual 3) dapatan telah menunjukkan min 3.4 untuk kerja individu manakala min 3.45 untuk kerja kumpulan yang telah dilaksanakan. Ini telah membuktikan bahawa guru pelatih KPLI Ambilan

Januari 2007 telah menunjukkan komitmen mereka terhadap kerja kursus yang telah diberikan oleh pensyarah. Selain itu, guru pelatih KPLI merupakan graduan daripada Institut Pendidikan Tinggi dan juga kebanyakan mereka mempunyai pengalaman bekerja yang memerlukan disiplin dan kerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh majikan mereka sebelum itu. Dalam masa yang sama, usia mereka yang melebihi 23 tahun ke atas dikatakan sebagai golongan yang mempunyai pemikiran matang dalam menghadapi sesuatu tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam dapatan di antara pelaksanaan kerja kursus individu dan kerja kumpulan bagi kumpulan KPLI Ambilan Januari 2007.

Jadual 3

Kepuasan tentang Kerjasama Ahli Kumpulan

| Perkara | Min Individu | Min Kumpulan |
|----------------|--------------|--------------|
| N=40 | 3.4 | 3.45 |
| Sisihan Piawai | .53 | .52 |

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi di atas, guru pelatih Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan adalah 3.2 iaitu guru pelatih KPLI Ambilan Jan 2007 telah menunjukkan kepuasan dalam pelaksanaan KKBI dalam Kursus Perguruan yang mereka ikuti. Bagi kemudahan untuk mendapat pinjaman dari perpustakaan luar telah mendapat min yang rendah iaitu 2.8. Masalah ini hanya dapat diselesaikan jika pihak institut menyediakan sumber rujukan yang mencukupi di dalam pusat sumber.

Secara keseluruhannya, guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2007 telah menunjukkan sikap yang positif dalam pelaksanaan secara tidak langsung telah mencerminkan sikap dan sahsiah mereka selepas menjadi guru terlatih di sekolah yang bakal ditempatkan. Untuk membolehkan sikap baik guru pelatih berterusan pada kemasukkan yang akan datang maka para pensyarah haruslah meneruskan dan memperkukuhkan sikap professional mereka dalam menyelesaikan dan menolong guru pelatih yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan KKBI pada masa akan datang.

Di samping itu, para pensyarah disarankan untuk memperkukuhkan kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing untuk menolong guru pelatih dalam melaksanakan KKBI mereka.

RUJUKAN

- BPG. (2006) *Buku Panduan pelaksanaan Kerja Kursus Berasaskan Ilmu Program Persediaan Sarjana Muda Pengajaran*. Kuala Lumpur. Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Barton, J. & Collins, A. (1993). *Portfolios in teacher education*. *Journal of Teacher Education*, 44, (3), pp. 200-210.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan. Buku 1*. Malaysia: McGraw Hill Education.
- Teo, I., Patmah Bustaman., Sardi Ahmad, & Azhar Sabil. (2005) *Persepsi Guru Pelatih Kursus Diploma Perguruan Malaysia Maktab Perguruan Batu Lintang tentang keberksanan Kerja Kursus berasaskan Ilmu (KKBI)* *Journal Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching*.
- National Reading Panel (2000). *Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature on reading and its implication for reading instruction* (NIH Pub, No.00-4769). Washington, DC: National Institute of Child Health and Human Development.
- Tyler, R. (1949). *Basic Principles of curriculum and instruction*. Chicago: University of Chicago Press.

LAMPIRAN A
SOAL SELIDIK
MAKLUMAT PERIBADI

Kumpulan Major: _____

Jantina: _____

Umur: _____

Status Perkahwinan : _____

Bilangan Anak: _____

**TUGASAN YANG DIBERI OLEH PENSYARAH-PENSYARAH
(DARI JAN-MEI)**

I Tugas Individu

| Tugas yang diberi | Kepuasan terhadap tempoh yang diberi untuk menyiapkan tugas | | | | Sila nyatakan tahap kepuasan terhadap bimbingan pensyarah* | | | | Kemudahan mendapat bahan rujukan* | | | | Adakah tugas ini membebankan anda? |
|-------------------|---|---|---|---|--|---|---|---|-----------------------------------|---|---|---|------------------------------------|
| Major 1 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | Ya /Tidak |
| 2 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | Ya /Tidak |
| 3 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | Ya /Tidak |
| 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | Ya /Tidak |
| 5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | Ya /Tidak |
| | | | | | | | | | | | | | |

*Petanda:

- 1 Sangat tidak memuaskan
- 2 Kurang memuaskan
- 3 Memuaskan
- 4 Sangat memuaskan

Jika sangat tidak memuaskan, sila nyatakan sebab:

II Tugas Kumpulan

| Bil. tugas | Bil. ahli dalam kump. | Kepuasan terhadap tempoh yang diberi untuk menyiapkan tugas | Kerjasama di antara ahli kumpulan* | Sila nyatakan tahap kepuasan terhadap bimbingan pensyarah* | Kemudahan mendapat bahan rujukan* | Adakah tugas ini membebankan anda?*** |
|------------|-----------------------|---|------------------------------------|--|-----------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | Ya /Tidak |
| 2 | | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | Ya /Tidak |
| 3 | | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | Ya /Tidak |
| 4 | | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | Ya /Tidak |
| 5 | | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | 1 2 3 4 | Ya /Tidak |

*Petanda:

- 1 Sangat tidak memuaskan
- 2 Kurang memuaskan
- 3 Memuaskan
- 4 Sangat memuaskan

Jika sangat tidak memuaskan, sila nyatakan sebab:
